

SOALAN LAZIM (FAQ)

SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN TAHUN 2022 KEPADA PENGUSAHA SPA DAN PUSAT URUT KAKI (PUK) BAWAH MOTAC

1. Siapakah yang layak memohon Bantuan Kewangan ini?

Hanya pengusaha Spa dan PUK yang diberikan penggredan oleh MOTAC sahaja layak memohon bantuan kewangan ini.

2. Adakah semua premis yang telah diberikan penggredan oleh MOTAC layak memohon?

Tidak. Hanya Spa dan PUK yang mempunyai Sijil Penggredan selepas 1 Januari 2020 sahaja yang layak memohon.

3. Adakah premis yang berpersatuan di bawah **SELAIN** AMSPA/MAWSPA layak memohon?

Tidak. Hanya premis di bawah persatuan AMSPA/MAWSPA sahaja yang layak memohon. Ini kerana kedua-dua persatuan berkenaan telah diiktiraf di bawah MOTAC.

4. Adakah premis yang telah tamat tempoh lesen operasi perniagaan layak memohon?

Tidak. Hanya premis yang mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing sahaja layak memohon. Premis yang telah tamat tempoh lesen hendaklah memperbaharui lesen sebelum memohon.

5. Adakah cawangan Spa atau PUK layak memohon bantuan kewangan ini?

Ya. Setiap pengusaha Spa dan PUK yang mempunyai cawangan boleh mengemukakan permohonan bantuan kewangan. Walau bagaimanapun ianya terhad kepada dua (2) cawangan sahaja.

6. Adakah cawangan boleh mengemukakan permohonan?

Tidak. Semua permohonan oleh cawangan hendaklah dikemukakan secara serentak oleh syarikat induk.

7. Adakah syarikat boleh mengemukakan permohonan rayuan kepada MOTAC sekiranya permohonan tidak diluluskan?

Tidak. Hanya premis yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

8. Bilakah pembayaran ini akan disalurkan kepada pemohon?

Pembayaran akan dilaksanakan secara 2 peringkat. Proses bayaran peringkat pertama sebanyak RM2,000.00 bermula pada Mac 2022 dan baki bayaran RM1,000.00 akan dilaksanakan pada Mei 2022.

9. Bagaimanakah pengusaha Spa dan PUK boleh mendapat maklumat lanjut mengenai bantuan bayaran ini?

Makluman berkenaan bayaran bantuan ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang www.motac.gov.my.

10. Di manakah pemohon perlu mengemukakan permohonan ini?

Pemohon yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lain kepada Pejabat MOTAC Negeri berkenaan.